

UniSZA tawar program dalam Industri 4.0

TEMBILA - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut kini menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer selaras dengan penubuhan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) ditubuhkan kerajaan tahun lepas.

Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran UniSZA, Prof Madya Dr Syadiah Nor Wan Shamsuddin berkata, penubuhan DFTZ merupakan salah satu strategi negara bagi memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Menurutnya, bagi melahirkan ilmuan yang dapat menguasai revolusi tersebut dan teknokrat berdaya saing, UniSZA telah menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer.

"Program ini mempunyai tiga pilihan pengkhususan pengajian iaitu Pembangunan Sistem, Komputeran Internet dan Keselamatan Rangkaian Komputer.

"Keseluruhan pengajian tersebut memberi penekanan terhadap kepakaran dalam aspek analisa, reka bentuk, pembangunan, pemasangan, pengoperasian dan penyelenggaraan sistem berteraskan internet selain didedahkan dengan kursus pengendalian data raya," katanya.



Pelajar Sains Komputer melakukan latihan amali pemasangan peranti IoT di UniSZA Kampus Besut.

Beliau berkata, program dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu di kampus ini akan mengambil masa pengajian selama tiga tahun setengah dengan keperluan bergraduan 120 jam kredit.

"Program ini adalah penyokong utama dalam merealisasikan Industri 4.0 berasaskan perkhidmatan.

"Contohnya, kita tidak perlu lagi menyediakan kaunter membayar bil bagi perkhidmatan tertentu, sebaliknya urusan pembayaran bil boleh dilakukan terus menerusi sistem atas talian," katanya.

Syadiah berkata, program Komputeran Internet pula lebih menjurus kepada pem-

angunan aplikasi mudah alih dan sistem berasaskan Teknologi Internet Untuk Segalanya (IoT).

"Ia juga memberi pendedahan tentang teknik pembangunan bagi sistem pengguna masa nyata melalui kursus sistem komputeran teragih, perkomputeran awan, senibina dan internet," katanya.

Syadiah turut menjelaskan bahawa fakulti telah melantik profesor pelawat dari industri yang berjaya memasarkan jam tangan yang boleh menganalisa tahap kesihatan pengguna berdasarkan aktiviti berjalan kaki harian serta kadar degupan jantung dan tekanan darah.